

SULIT



TD1103

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
PENDIDIKAN JARAK JAUH**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER APRIL SESI 2003/2004**

**KOD/NAMA KURSUS : TD1103 APLIKASI KOMPUTER DALAM
PENGURUSAN**

TARIKH : 15 OGOS 2003 (JUMAAT)

MASA : 9.00 - 11.30 PAGI (2 1/2 JAM)

**TEMPAT : DEWAN MAS, UUM
ITTAR, KUALA LUMPUR**

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3) Bahagian** di dalam **ENAMBELAS (16)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Semua jawapan hendaklah ditulis dengan ringkas, kemas dan padat di ruangan jawapan yang disediakan di dalam kertas soalan ini.

NO. MATRIK : _____

--	--	--	--	--	--

(dengan perkataan)

(dengan angka)

NO. K/P : _____

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA PENSYARAH : _____

**JANGAN BUKA SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SULIT

BAHAGIAN A: (30 MARKAH)

ARAHAN: Pilih satu jawapan yang tepat dan **bulatkan** jawapan anda pada kertas yang telah disediakan. Setiap soalan bernilai **satu (1)** markah.

1. Berikut adalah tag-tag asas HTML **KECUALI**
 - A head
 - B para
 - C body
 - D p

2. Untuk membangunkan laman web menggunakan Frontpage, tiga (3) *design view* boleh digunakan. Salah satu daripadanya ialah _____.
 - A *Source View* digunakan untuk memaparkan kod html.
 - B *Outline View* digunakan untuk memaparkan hasil daripada rekabentuk laman web.
 - C *Normal Design View* digunakan untuk merekabentuk laman web.
 - D *Print View* untuk memaparkan laman web yang akan dicetak.

3. Imej berasaskan objek yang diwakili dalam bentuk geometri dikenali sebagai _____.
 - A vektor
 - B matrik
 - C piksel
 - D bitmap

4. _____ digunakan untuk berdiskusi, berbincang dan menyelesaikan permasalahan oleh pelanggan, pembekal, agensi, wakil jualan dan sebagainya secara masa-nyata.
 - A *Group Decision Support Systems*
 - B *Group Support System*
 - C *Discussion Forums*
 - D *Electronic Meeting Systems*

5. Antaramuka pelayar web '*Internet Explorer*' terbahagi kepada empat (4) bahagian utama seperti di bawah **KECUALI**
- A *Pull Down Menu*
 - B *Hiperlink*
 - C *Address Bar*
 - D *Navigation Buttons*
6. Apakah kelebihan yang dapat diberikan oleh laman web kepada pengguna?
- A Memerlukan *password* untuk dicapai oleh pengguna di seluruh dunia.
 - B Mempunyai fungsi yang terhad untuk segolongan penggunaan sahaja.
 - C Menjimatkan kos dan tenaga kerja.
 - D Kebanyakan kandungannya berunsurkan teks sahaja.
7. Apakah cara yang paling mudah untuk mengesan tindakbalas pengguna terhadap laman web kita?
- A Pengemudian yang mudah
 - B Pembilang
 - C Ke kerapannya kemaskini
 - D Peta Minda
8. Penggunaan pelayar web (*web browsers*) membolehkan pengguna
- A melaksanakan mel elektronik
 - B menyertai kumpulan perbincangan
 - C mencari maklumat
 - D semua di atas
9. Di antara yang berikut, manakah paling tepat untuk menerangkan apa itu intranet?
- A Gabungan rangkaian kecil yang membentuk sebuah rangkaian yang besar dengan menggunakan protokol yang sama.
 - B Merupakan rangkaian dalaman bagi organisasi termasuk penggunaan rangkaian setempat (LAN) dan rangkaian kawasan luas (WAN)
 - C Rangkaian yang memberikan perkhidmatan komunikasi elektronik dan pembawa maklumat secara meluas.
 - D Rangkaian yang tidak dimiliki oleh mana-mana negara atau individu.

10. Dalam Perisian PowerPoint, manakah di antara berikut **BUKAN** merupakan kaedah yang digunakan untuk menghasilkan satu persembahan baru?
- A *Auto Content Wizard*
 - B *Design Template*
 - C *Blank Presentation*
 - D *Table Document*
11. Berikut merupakan cara yang digunakan untuk melihat skrin persembahan PowerPoint **KECUALI**
- A *Normal View*
 - B *Outline View*
 - C *Slide View*
 - D *AutoShape View*
12. Untuk melakukan persembahan, slide PowerPoint biasanya dipersembahkan dalam mukasurat penuh. Maka butang _____ dipilih untuk tujuan tersebut.
- A *Slide Show*
 - B *Slide Down*
 - C *Slide End*
 - D *Slide Fast*
13. Semasa menyiapkan slide untuk persembahan, anda berkemungkinan menghadapi sesuatu masalah dan tidak ada rakan untuk bertanya. Jadi, apakah alat (*tool*) yang menjadi rujukan anda dalam menyelesaikan masalah tersebut?
- A *Office Manager*
 - B *Office Assistant*
 - C *Office Training*
 - D *Office Slide*
14. Yang manakah di antara berikut merupakan susunan format alamat yang **BETUL** berdasarkan *Universal Research Locator* (URL)?
- A [www.http.uum.edu.my](http://www.uum.edu.my)
 - B www.uum.my.com
 - C <http://www.uum.edu.my>
 - D <http://www/uum/edu/my>

15. Yang manakah di antara berikut merupakan enjin carian (*search engine*)?
- A Internet Explorer
 - B Netscape Navigator
 - C TM Net
 - D Google
16. Apakah output **UTAMA** yang dihasilkan melalui penggunaan perisian aplikasi Microsoft Frontpage?
- A Laporan web
 - B Laman web
 - C Internet
 - D Laporan persembahan
17. Dalam bentuk apakah format fail gambar dimasukkan ke dalam laman web melalui penggunaan aplikasi Microsoft Frontpage?
- A gif
 - B jpg
 - C bmp
 - D semua di atas
18. *Frequently Asked Questions* (FAQ) pada sebuah laman web sebenarnya merujuk kepada _____.
- A Antaramuka laman web
 - B Enjin carian
 - C Pelayar web
 - D Ruangan soalan lazim
19. Berikut merupakan komuniti digital **KECUALI**
- A Kampung yang dirangkaikan
 - B Golongan buta internet
 - C Masyarakat yang menggunakan internet
 - D Masyarakat yang wujud melalui internet
20. Berikut merupakan fungsi seni grafik **KECUALI**
- A Cara berkomunikasi yang tepat, padat dan ringkas.
 - B Penyampai maklumat
 - C Memberi gambaran imej
 - D Menyediakan peluang pekerjaan

ARAHAN: Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Setiap jawapan bernilai **satu (1)** markah


1. _____ membahagikan laman web kepada beberapa tettingkap yang berbeza.
2. Penggunaan visual untuk menerangkan konsep yang sukar diterangkan oleh teks dikenali sebagai _____ .
3. _____ membolehkan seseorang pengguna internet memasuki sesebuah laman web.
4. Keperluan asas internet ialah komputer peribadi, _____, talian telefon tetap dan akaun internet.
5. _____ ialah perisian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat melalui internet.
6. _____ bermaksud menyalin fail daripada komputer anda ke pelayan web.
7. *WWW* merupakan singkatan kepada _____
8. Singkatan *http* bermaksud _____
9. Bahasa _____ digunakan untuk menulis laman Web.
10. Perkataan yang kelihatan bergaris dalam laman Web biasanya menunjukkan _____ .

BAHAGIAN B: (40 MARKAH)


ARAHAN: Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam ruang yang telah disediakan.

1. Katakan anda telah memilih bentuk *trapezoid* daripada *AutoShapes* untuk diletakkan ke dalam slide PowerPoint. Lakarkan imej *trapezoid* tersebut apabila ia dipusing dalam rajah seperti dikehendaki di dalam soalan. Tandakan juga bucu A, B, C dan D yang baru dengan tanda seperti A', B', C' dan D' (4 markah)

- a) Dialih secara horizontal (*Flip Horizontal*)



- b) Dialih secara vertical (*Flip Vertical*)



2. Apakah kegunaan *firewall*? (2 markah)

3. Apakah faedahnya menggunakan FTP (*File Transfer Protocol*)? (2 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan IP tidak reliable? (2 markah)

5. Senaraikan **TIGA (3)** kelebihan IPNG (*Internet Protocol New Generation*). (3 markah)

6. Terangkan secara ringkas maksud TCP (*Transmission Control Protocol*) (2 markah)

7. <http://www.yahoo.com> adalah enjin carian berasaskan kategori. Apakah kelemahannya menggunakan enjin carian ini?
(2 markah)

8. Terangkan secara ringkas maksud intranet dari perspektif perniagaan.
(3 markah)

9. Senaraikan **TIGA (3)** ciri-ciri internet.
(3 markah)

10. Keberkesanan komunikasi melalui Intranet dapat dicapai melalui **LIMA (5)** kaedah. Senaraikan kaedah-kaedah tersebut.
(5 markah)


11. a) Apakah yang dimaksudkan dengan laman web interaktif? (3 markah)
- b) Senaraikan **DUA (2)** alatan yang boleh digunakan untuk menjadikan laman web interaktif. (2 markah)
12. Berikan tiga (3) faktor yang menentukan kualiti hasil grafik? (3 markah)
13. Jelaskan perbezaan antara grafik dan animasi. (4 markah)

BAHAGIAN C: (30 MARKAH)

ARAHAN: Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam ruang yang telah ditetapkan.

1. a) Lengkapkan rajah di bawah:

(3 markah)



- b) Berdasarkan soalan 1(a) di atas, terangkan secara ringkas setiap jawapan anda.
(7 markah)

2. Pengurus di sebuah syarikat kereta terpakai di Alor Star, Kedah ingin melihat pencapaian prestasi syarikat itu melalui data-data jualan yang bermula dari tahun 1996 sehingga 1999. Pengurus itu juga bercadang untuk memberi bonus kepada jurujual yang berjaya menjual kereta dengan bilangan yang terbanyak.

Data jualan syarikat dari tahun 1996 hingga 1999 adalah seperti berikut:

- Tahun 1996: 550 kereta Kancil, 300 kereta Proton, 150 kereta Honda dan 40 kereta Mercedes telah dijual.
- Tahun 1997: 100 kereta Kancil, 30 kereta Proton, 10 kereta Honda dan 0 kereta Mercedes telah dijual.
- Tahun 1998: 120 kereta Kancil, 40 kereta Proton, 5 kereta Honda dan 2 kereta Mercedes telah dijual.
- Tahun 1999: 700 kereta Kancil, 800 kereta Proton, 350 kereta Honda dan 150 kereta Mercedes telah dijual.

Kebanyakan kereta telah dijual oleh En. Wong Ai Tam, salah seorang jurujual syarikat berkenaan. En. Wong telah berjaya menjual sebanyak 1/3 daripada jumlah jualan kereta sepanjang 1996 – 1999. Pihak syarikat sangat berpuashati dengan prestasi En. Wong dan bersetuju untuk memberinya bonus. Jumlah wang yang akan diterima oleh En. Wong adalah sama nilainya dengan jumlah kereta yang telah dijualnya, ditambah lagi 50% daripada jumlah tersebut.

- a) Bina satu jadual yang memaparkan data-data penjualan kereta seperti yang telah diberikan.

(3 markah)

- b) Bina satu carta histogram / bar bagi bilangan kereta yang dijual sepanjang tempoh 1996 – 1999.

(3 markah)

- c) Kira jumlah bonus yang diterima oleh En. Wong (tunjukkan kiraan anda)

(4 markah)

Kiraan Jualan Kereta Oleh En. Wong:

Kiraan Bonus Untuk En. Wong:

JUMLAH GANJARAN: _____

3. Sebagai seorang pereka web, anda dikehendaki membangunkan sebuah laman web untuk memperkenalkan bunga-bunga yang terdapat di negara ini. Maklumat anda akan diletakkan ke dalam **empat (4)** halaman seperti di bawah:

Halaman pertama: Satu mukasurat kosong yang mengandungi sekuntum bunga di tengah mukasurat dan perkataan berikut di bawah bunga tersebut. "Klik pada bunga untuk melayari halaman ini"

Halaman kedua: Halaman ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian. Bahagian atas bersaiz 6 cm lebar dan dikhaskan untuk iklan. Hanya letakkan perkataan IKLAN dalam bahagian ini.


Bahagian kiri juga bersaiz 6 cm lebar dan dikhaskan untuk meletakkan pautan untuk ke laman seterusnya dengan mengklik pada pautan tersebut. Bahagian ini mempunyai senarai pautan seperti berikut: "Bunga Mawar, Bunga Melor, Bunga Raya, Bunga Lili, KELUAR."

Bahagian kanan ialah ruang untuk meletakkan maklumat. Maklumatnya adalah seperti berikut: " Selamat Datang ke Halaman Bunga. Klik pada senarai bunga di sebelah untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang maklumat bunga pilihan anda."

Halaman ketiga: Masih mempunyai tiga (3) bahagian yang sama, tetapi bahagian maklumat mempunyai teks berikut: " BUNGA RAYA" Bunga raya merupakan bunga kebangsaan negara Malaysia. Ia boleh di dapati dalam pelbagai warna seperti merah, putih dan *pink*." Halaman ini terhasil apabila pengguna mengklik pada perkataan Bunga Raya di halaman kedua.





Halaman keempat: Masih mempunyai tiga(3) bahagian dan bahagian maklumatnya mempunyai teks berikut: " TERIMA KASIH kerana melawati halaman ini" Di bawah teks ini terdapat sekuntum bunga. Halaman ini terhasil apabila pengguna mengklik perkataan KELUAR pada halaman ketiga.

Berdasarkan kepada maklumat di atas lakarkan laman web yang terbabit. Tunjukkan pautan yang terhasil seperti contoh di bawah:



(10 markah)

Ruang jawapan bagi soalan 3 Bahagian C.

A large, empty rectangular box with a thin black border, intended for the student to write their answer to question 3, part C.A large, empty rectangular box with a thin black border, intended for the student to write their answer to question 3, part C.A large, empty rectangular box with a thin black border, intended for the student to write their answer to question 3, part C.A large, empty rectangular box with a thin black border, intended for the student to write their answer to question 3, part C.

Jawapan untuk soalan objektif. Bulat / Hitamkan jawapan anda.

1. A B C D
2. A B C D
3. A B C D
4. A B C D
5. A B C D
6. A B C D
7. A B C D
8. A B C D
9. A B C D
10. A B C D
11. A B C D
12. A B C D
13. A B C D
14. A B C D
15. A B C D
16. A B C D
17. A B C D
18. A B C D
19. A B C D
20. A B C D